KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19.10.22	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JPNS			



SUNGAI TEKALA, Hulu Langat antara lokasi rekreasi yang ditutup sehingga 31 Januari depan berikutan musim tengkujuh.

Musim tengkujuh, aktiviti pendakian, rekreasi ditutup

SHAH ALAM – Semua laluan pendakian dan aktiviti rekreasi Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Selangor ditutup kepada umum mulai 1 November depan.

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) memaklumkan, penutupan itu berkuat kuasa sehingga 31 Januari tahun depan.

"Larangan itu sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak sebarang kejadian atau kemalangan tidak diingini berlaku berikutan musim tengkujuh yang bakal melanda kelak," katanya dalam satu kenyataan di Facebook semalam.

Dalam pada itu, menerusi pemakluman berkenaan, jabatan itu turut memberitahu lima Taman Eko Rimba turut ditutup kepada pengunjung awam bagi tempoh yang sama.

Penutupan itu membabitkan Taman Eko Rimba Sungai Tua, Sungai Tekala, Sungai Sendat, Gunung Nuang dan Komanwel.

Keputusan berkenaan katanya, bagi mengelak kejadian kepala air yang boleh mendatangkan risiko kemalangan kepada pengunjung.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan hujan lebat berterusan dijangka berlaku mulai pertengahan November yang berkemungkinan boleh mengakibatkan banjir pada penghujung bulan berkenaan.

Cuaca yang dialami dijangka memberi lebih signifikan kerana Monsun Timur Laut yang aktif pada tempoh itu menyebabkan risiko tinggi berlakunya hujan lebat berterusan dan banjir berskala besar.

Scanned with CamScanner